

**AMALAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM) MENERUSI
PENGINTEGRASIAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)
DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH
NEGERI PERAK**

Mohd Syaubari Othman

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia
syaubari@gmail.com

Ahmad Yunus Kassim

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengenal pasti amalan penggunaan BBM dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) menerusi pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kajian ini dilaksanakan di lapan buah sekolah rendah di Negeri Perak yang melibatkan temubual bersama Guru Pendidikan Islam (GPI), Guru Besar, Penolong Kanan, dan Pelajar. Komponen Bahan Bantu Mengajar (BBM) dilihat menerusi tiga komponen utama iaitu BBM Pola Rutin, BBM Pola Sampingan dan BBM Bukan Pola melalui pelaksanaan pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berasaskan elemen mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Hasil temubual ditadbir urus dengan program N'vivo versi 7 untuk menghasilkan tema dan jadual matrik berkaitan amalan penggunaan BBM dalam kalangan GPI sekolah rendah berasaskan KBAT. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 12 BBM yang digunakan dalam PdP GPI dengan terdapat perbezaan daripada pola BBM yang digunakan. Penekanan banyak diberikan kepada pola rutin manakala pola sampingan dan bukan pola menjadi bahan sokongan dalam proses PdP yang berteraskan pelaksanaan KBAT. Pola rutin ialah buku teks, komputer LCD, papan putih dan kertas A4 manakala pola sampingan ialah kertas edaran (kad manila), kertas mahjong, buku rujukan dan kad imbasan. Bagi BBM bukan pola ialah seperti akhbar, carta, filem dan radio kaset.

Kata kunci: KBAT, BBM, Guru Pendidikan Islam.

Pengenalan

Pendidikan Islam merupakan teras atau tunjang utama di dalam proses pembentukan keperibadian, nilai dan sahsiah yang terbaik. Asas kekuatan mata pelajaran pendidikan Islam adalah terhasil melalui elemen penghayatan di dalam pembelajaran berdasarkan kerangka pengetahuan yang perlu disalurkan kepada komponen yang sewajarnya. Maka terdapat banyak aspek yang membantu ke arah penguasaan dan penghayatan pembelajaran dalam kalangan pelajar, dan salah satunya adalah menerusi aspek penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dengan pendekatan yang berkesan. Pelaksanaan pengajaran yang mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menetapkan penggunaan BBM sebagai keperluan yang utama di dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat mencapai matlamat yang sepatutnya.

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efektif dapat dilihat melalui sejauh mana kebolehan guru-guru dalam menghasilkan PdP yang interaktif dan menghubungkan dengan KBAT (Jasmi, 2010). Guru yang kreatif dan inovatif pula mestilah mempunyai persediaan dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam PdP termasuk mengaitkan keseluruhan aspek tersebut di dalam penyampaian pengajarannya. Selain itu, guru yang kreatif dan inovatif mampu menjadi pencetus kepada guru lain di dalam menjana idea berkaitan sesuatu konstruk pengetahuan dan bagaimana BBM yang sedia ada dapat ditambahbaik bagi meningkatkan tahap penggunaannya. Kehadiran BBM ini telah mengubah fungsi guru serta meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran berorientasikan pelajar, namun amalan penggunaan BBM

ini belum dilaksanakan secara meluas oleh guru-guru disebabkan kekangan masa, tenaga dan kewangan untuk menyediakannya (Hussin *et al*, 2005).

Untuk itu, menerusi makalah ini penyelidik mengupas bagaimana amalan penggunaan BBM bersumberkan teori dan diterjemahkan menerusi kajian yang dilaksanakan di kalangan guru pendidikan Islam. Guru Pendidikan Islam menerusi artikel ini merujuk kepada guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran berasaskan latihan yang diperolehi di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP). Penyerlahan peranan guru Pendidikan Islam ini diselarikan dengan keperluan motivasi yang baik, kesungguhan yang tinggi di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang cemerlang secara berterusan (KPM, 2011).

Latar Belakang Kajian

Tugas guru pastinya semakin mencabar kesan daripada perubahan dunia ke arah era globalisasi yang positif mahu pun negatif (Zain, 2002; KPM, 2011). Untuk itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melakukan penambahbaikan secara komprehensif ke atas sistem penyampaian pendidikan dan latihan ke arah pembelajaran abad ke-21. Namun sehingga hari ini keinginan itu masih belum diterjemahkan oleh guru Pendidikan Islam disebabkan beberapa faktor antaranya kurang kepelbagaian kaedah di dalam PdP dan lebih tertumpu kepada pengajaran berpusatkan guru seperti hafalan, soal jawab dan perbincangan (Daud *et al*, 2006). Dapatan ini disokong oleh kajian Siti Fatimah Ahmad & Ab Halim Tamuri (2010) dan Monique Volman (2005) yang mendapati terdapat guru Pendidikan Islam yang langsung tidak memanfaatkan BBM di dalam PdP dan masih mengamalkan kaedah tradisional serta tidak menggunakan BBM disebabkan kurangnya kemahiran dan pengetahuan mengenai kaedah pengendaliannya. Selain itu, faktor kurang sumber BBM yang khusus Pendidikan Islam juga merencatkan tahap penggunaan BBM dalam kalangan guru Pendidikan Islam (Shaari, 2008).

Menurut Tang Keow Ngang & Abdul Ghani Kanesan Abdullah (2006) dan Kamarul Azmi Jasmi (2010), faktor kekangan di dalam menggunakan BBM adalah disebabkan kesukaran untuk memperolehinya sama ada secara pembelian atau pun penghasilan sendiri. Dapatan ini berasaskan BBM yang dibeli adalah memerlukan modal dan sumbangan kewangan yang besar dan peruntukan yang ada tidak hanya khusus untuk BBM Pendidikan Islam sahaja manakala bagi BBM yang dihasilkan sendiri memerlukan tempoh masa yang lama, tenaga, kewangan dan tumpuan agar BBM tersebut benar-benar berkesan.

Namun semua faktor ini telah diatasi dengan kehadiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) di dalam sistem pendidikan di Malaysia. Integrasi yang dihasilkan paling tidak dapat mengurangkan kos dan bahan-bahan dalam menghasilkan BBM itu sendiri. Namun kehadiran TMK ini telah memberikan kejutan kepada kebanyakan guru Pendidikan Islam yang kurang pengetahuan di dalam TMK, apatah lagi untuk mengaplikasikannya di dalam PdP. Ini bertepatan dengan kajian Siti Fatimah Ahmad & Ab Halim Tamuri (2010) bahawa penggunaan BBM di kalangan guru Pendidikan Islam berasaskan TMK berada di dalam keadaan min yang rendah. Dapatan ini dengan sendirinya menggambarkan keperluan guru terhadap kemahiran TMK agak selari dengan perkembangan teknologi pendidikan dunia yang sedang berkembang maju. Maka hal ini menyebabkan tahap kebergantungan yang tinggi terhadap penggunaan buku teks perlu dikurangkan dan diminimumkan di dalam pelaksanaan PdP guru Pendidikan Islam.

Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti amalan penggunaan BBM dalam kalangan GPI sekolah rendah di Negari Perak di dalam konteks pengajaran berasaskan KBAT. Kajian ini juga ingin melihat BBM yang menjadi pola kekerapan penggunaan dalam kalangan GPI. Untuk itu kajian ini menetapkan dua persoalan kajian:

- 1) Bagaimanakah bentuk amalan penggunaan BBM dalam kalangan Guru Pendidikan Islam berasaskan pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)?
- 2) Apakah BBM yang menjadi pola kekerapan penggunaannya dalam kalangan GPI sama ada pola rutin, pola sampingan atau pola bukan rutin?

Permasalahan Kajian

Menurut KPM (2014), salah tafsir yang berlaku di dalam mendefinisikan fungsi BBM berpunca daripada tahap amalan dan kekerapan penggunaannya yang semakin berkurangan semasa proses Pdp berlaku. Hakikatnya untuk menghasilkan BBM yang dapat memberi kesan yang terbaik terhadap Pdp, beberapa pendekatan harus ditetapkan bersesuaian dengan persekitaran dan keadaannya. Antaranya ialah BBM mestilah mampu menjelaskan idea yang kabur, memperkukuhkan huraian bahagian yang sukar difahami, bersesuaian dengan pelajar, warna yang menarik, saiz yang tepat, tahan lama, paling memberi kesan dan murah (KPM, 2014). Ciri-ciri ini merupakan asas di dalam pemilihan BBM yang akan digunakan oleh guru-guru semasa Pdp di sekolah selain elemen yang bersifat pengurusan seperti kaedah pengurusan dan pentadbiran setiap peralatan, kesesuaian tempat, kepentingan penggunaannya dan kaedah penyediaannya.

Namun, bersandarkan beberapa kajian yang dilaksanakan, terdapat beberapa faktor yang dikemukakan oleh kebanyakan guru Pendidikan Islam untuk tidak menggunakan BBM di antaranya adalah kekangan masa, sumber kewangan dan sukatan yang terlalu padat. Ini dijelaskan menerusi realiti kesan penggunaan dan pelaksanaannya yang mencatatkan keputusan min (3.24) (Ahmad & Tamuri, 2010). Selain itu, pengetahuan yang kurang berkaitan fungsi BBM di dalam menarik minat pelajar, meningkatkan motivasi dan membentuk keupayaan berfikir pelajar merupakan elemen yang menghalang kepada penggunaan BBM secara optimum.

Pertembungan di antara asas penggunaan BBM dan peranan yang menyokong kepada pelaksanaan KBAT memerlukan penentuan kepada kefahaman secara menyeluruh aspek yang melibatkan ciri-ciri, faktor-faktor dan bagaimana penggunaannya. Untuk itu, penghasilan Pdp yang mengaplikasikan elemen KBAT memerlukan kepada penggunaan BBM secara optimum agar isi kandungan yang bersifat jelas penstrukturannya, menepati kehendak objektif yang ditetapkan dan kefahaman yang mendalam dalam kalangan pelajar. Maka, secara keseluruhannya adalah menjadi suatu keperluan penggunaannya BBM diintegrasikan dengan asas KBAT bagi membentuk pelajar yang berupaya menjana pemikiran, berkemahiran mengadaptasikan idea dan berpengetahuan menyelesaikan masalah. Penggunaan BBM berperanan untuk membentuk perubahan daripada pengajaran tradisional kepada pengajaran berasaskan teknologi untuk menghasilkan kesan yang positif ke atas diri pelajar.

Metodologi Kajian

Pelaksanaan kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dengan diperincikan sebagai kajian pelbagai kes (*multicase studies*) atau dikenali sebagai kajian pelbagai tempat lapangan (Meriam, 1998). Untuk itu, kajian ini turut menggunakan kaedah temu bual terhadap dua orang GPI, dua orang pelajar, guru besar dan penolong kanan sebagai kerangka data utama. Manakala kaedah pemerhatian terhadap sampel kajian dan analisa dokumen dilaksanakan sebagai menyokong temu bual. Temubual sangat pratikal digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada populasi yang kecil. Pemerhatian pula sesuai untuk melihat perubahan dan perkembangan tingkah laku para guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Pdp) dilaksanakan.

Dari sudut pemilihan sampel, penyelidik menetapkan penggunaan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu kelompok responden yang mewakili populasi yang hendak dikaji. Bagi kaedah penetapan peserta kajian, penyelidik menetapkan peserta GPI yang terlibat berdasarkan saranan yang dikemukakan dan disenaraikan oleh Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Perak berdasarkan perkara

berikut: a) GPI mestilah berpengalaman 10 tahun ke atas dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), b) GPI mestilah mengajar tahun 4, 5 dan 6, c) GPI mestilah mengajar subjek Pendidikan Islam kerana fokus kajian adalah tahap penggunaan BBM di dalam Pendidikan Islam, dan d) GPI mewakili sekolah kebangsaan di bandar dan luar bandar bagi mewakili taburan guru Pendidikan Islam. Secara keseluruhan, peserta kajian yang terlibat adalah seramai lapan orang dengan berfokus kepada aspek pengalaman merupakan indikator utama di dalam memastikan tahap kemahiran dan pengetahuan di dalam pengendalian BBM yang berkesan.

Ciri utama bagi menentukan kesesuaian dan kebolegunaan sesuatu instrumen adalah menerusi kesahan dan kebolehpercayaan. Untuk kajian ini, kesahan muka dan kebolehpercayaan yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini melibatkan beberapa langkah iaitu pengesahan inventori soalan separuh berstruktur oleh penyelia dan pakar bidang, kajian rintis, trigulasi data, laporan nota lapangan dan diari, pengesahan pakar terhadap tema yang dibina serta pengiraan *Cohen Kappa* ke atas persetujuan pakar terhadap tema. Trigulasi data dalam kajian ini melibatkan pelaksanaan kajian lapangan menerusi data temu bual GPI dengan temu bual bersama pelajar dan pentadbir dengan disokong berdasarkan nota lapangan dan diari penyelidik.

Setelah semua transkrip disahkan dan ditadbir semula berdasarkan tema yang tertentu dan begitu juga laporan nota lapangan serta diari yang telah lengkap, penyelidik meneruskan dengan menyusun tadbir setiap data tersebut untuk berdasarkan tema dapatan dengan bantuan program N'Vivo 7.0. Sebaik sahaja semua data diproses dan data keseluruhan serta pola dapatan kajian dihasilkan, penyelidik telah menyediakan satu set borang persetujuan pakar terhadap tema yang dibina (Cohen *et al*, 2007). Pakar yang dilantik ini merupakan *interater* (persetujuan pakar dengan penyelidik) bagi mengesahkan penetapan tema seperti yang telah ditetapkan oleh penyelidik.

Jadual 1: Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Indikator	Nilai Cohen Kappa
Sangat Tinggi	0.90<
Tinggi	0.89-0.70
Sederhana	0.69-0.30
Rendah	0.30>

Jadual 2: Senarai Panel Pakar Analisis Persetujuan Tema Data Kualitatif

Bil	Nama	Wakil	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran	Tahap (<i>Cohen Kappa</i>)
1.	Pakar A	Fakulti Sains Kemanusiaan (UPSI)	Pensyarah Kanan, Ketua Jabatan	Pendidikan Islam	0.94
2.	Pakar B	Fakulti Pendidikan (UM)	Pensyarah Kanan	Pengukuran Pendidikan	0.92
3.	Pakar C	Jemaah Nazir	Pegawai Jemaah Nazir	Pemantauan Guru Pendidikan Islam 10 Tahun	0.92

Berdasarkan Jadual 2, seramai tiga orang pakar kualitatif dalam bidang Pendidikan Islam telah dilantik untuk menjadi *interater* terhadap tema yang dibina. Hasil daripada penilaian pakar ini menunjukkan pembinaan tema yang dilakukan oleh penyelidik mencapai tahap pengukuran *Cohen Kappa* pada tahap melebihi 0.9. Pencapaian tahap persetujuan yang sangat tinggi mengikut penilaian *Cohen Kappa* ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi bagi data kajian ini.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang ditunjukkan menerusi Jadual 3 hingga Jadual 8 merupakan penganalisan yang dilaksanakan oleh penyelidik mendapati terdapat 12 jenis BBM yang digunakan oleh GPI untuk mengintegrasikan KBAT di dalam PdP. Berdasarkan jadual-jadual tersebut, pola BBM di dalam PdP ini dipersetujui oleh majoriti daripada bilangan GPI dari S1 hingga S8 adalah seperti lembaran kerja, buku teks, komputer dan LCD, kertas mahjong, buku rujukan dan gambar. Daripada enam BBM tersebut, hanya tiga BBM yang ada digunakan oleh hampir semua GPI iaitu lembaran kerja, buku teks, komputer dan LCD.

Tema pertama menunjukkan BBM yang menjadi perhatian guru adalah lembaran kerja menerusi penglibatan kesemua peserta di S1 – S8. Pembentukan tema ini disebabkan majoriti guru terlibat di dalam mengendalikan kelas yang terlibat dengan peperiksaan sama ada peperiksaan awam atau peperiksaan dalaman. Selain itu, kebiasaannya GPI akan menggunakan dan mengaplikasikan menerusi pengagihan kepada pelajar melalui pendekatan latihan tubi dan pembelajaran sendiri. Namun, bagi menyesuaikan dengan kajian ini yang berasaskan elemen KBAT, penyelidik menetapkan beberapa kriteria yang menyatakan lembaran kerja yang digunakan perlu mengandungi item atau pernyataan yang menunjukkan KBAT. Maka, berdasarkan temu bual dan pemerhatian mendapati guru sememangnya menghasilkan lembaran kerja mengandungi elemen KBAT disebabkan keterikatan dengan sukatan yang seterusnya berfokuskan peperiksaan. Jadual 3 memaparkan tema menerusi temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan.

Jadual 3: Penghasilan Tema Bagi BBM (Lembaran Kerja)

Sek	GPI 1	GPI 2	GPI 3	P1	P2	P/GPK
S1	x	x	x	-	x	x
S2	x	x	x	x	x	-
S3	x	x	x	-	-	-
S4	x	-	x	-	-	-
S5	x	-	x	-	-	-
S6	x	x	x	x	x	-
S7	x	x	x	x	x	-
S8	x	x	x	x	-	-

* Keterangan: 'x' bermakna mewakili data, S - Sesi, GPI – Guru Pendidikan Islam, P1 - Pelajar 1, P2 - Pelajar 2, P/GPK - Pengetua atau Guru Penolong Kanan

Untuk tema yang seterusnya, penyelidik mendapati buku teks merupakan BBM yang kerap digunakan semasa PdP. Ini dapat dilihat menerusi temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan mendapati GPI 2 dan GPI 3 merupakan peserta yang kerap menggunakannya semasa pelaksanaan PdP. Bagi peserta yang lain, pelaksanaan tidak secara konsisten kerana menggunakan kepelbagaian pendekatan seiring dengan pengajaran abad ke-21. Namun, setelah diteliti menerusi temu bual dan pemerhatian, buku teks juga boleh dikategorikan sebagai bahan BBM yang mempunyai elemen KBAT. Ini berdasarkan kandungan semakan KSSR edisi 2011 mendapati elemen KBAT telah dijadikan sebagai indikator utama di dalam penjelasan konsep bagi setiap tajuk di dalam buku teks.

Menerusi Jadual 4 di bawah menunjukkan bahawa GPI 2 dan GPI 3 menggunakan buku teks sepenuhnya di dalam PdP. Namun, berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terhadap PdP GPI 1 juga menunjukkan penggunaan buku teks sebagai BBM tetapi tidak dapat dibuktikan melalui data temu bual, maka dapatan GP 1 terpaksa ditolak.

Jadual 4: Penghasilan Tema Bagi BBM (Buku Teks)

Sek	GPI 1	GPI 2	GPI 3	P1	P2	P/GPK
S1	-	x	x	-	-	x
S2	x	x	x	-	x	-
S3	x	x	x	-	-	-
S4	-	x	x	x	x	x
S5	-	x	x	-	-	-
S6	-	x	x	x	-	x
S7	-	x	x	-	x	x
S8	-	x	x	x	-	-

* Keterangan: 'x' bermakna mewakili data, S - Sesi, GPI – Guru Pendidikan Islam, P1 - Pelajar 1, P2 - Pelajar 2, P/GPK - Pengetua atau Guru Penolong Kanan

Bagi tema kekerapan seterusnya adalah penggunaan komputer dan LCD yang merupakan alatan yang digunakan oleh peserta GPI 1 dan GP 2 bagi Sesi 1 - S1), S5, S7 dan S8. Manakala bagi peserta lain, kekerapan penggunaan adalah di tahap sederhana. Namun, pada pandangan penyelidik, berdasarkan data temu bual dan pemerhatian, tahap penggunaan BBM ini amat bersesuaian diintegrasikan dengan KBAT ditambah dengan pengetahuan dan kemahiran GPI yang tinggi di dalam menggunakan TMK. Selain itu, penggunaan komputer sebagai BBM ini juga digunakan bagi penyediaan modul, pencarian data di internet dan program sekolah. Sebagai bukti GPI 2 (17/174) ada menjelaskan:

“Kelas saya lengkap dengan kemudahan, sebab itu saya ada menggunakan peralatan seperti laptop, kalau tak ada kemudahan ni, saya akan buat kumpulan sabajalah, bagi kertas mahjong, minta pelajar terlibat buat persembahan dekat depan. Ini secara tidak langsung nak latih pelajar-pelajar ini untuk berani bercakap dan mengeluarkan idea.”
(GPI 2: PP/BBM/KDLCD)

Petikan ini menjelaskan bahawa guru hanya menggunakan komputer dan LCD di dalam kelas yang sekiranya mempunyai kelengkapan yang khusus. Ini melainkan bagi kelas-kelas yang berprestasi tinggi sememangnya digunakan secara meluas. Perekodan secara keseluruhan adalah seperti di dalam Jadual 5.

Jadual 5: Penghasilan Tema Bagi BBM (Komputer dan LCD)

Sek	GPI 1	GPI 2	GPI 3	P1	P2	P/GPK
S1	x	-	-	-	x	-
S2	-	x	x	x	x	x
S3	x	-	-	-	-	-
S4	-	x	x	x	x	-
S5	x	x	-	-	-	-
S6	-	-	x	x	-	-
S7	x	x	x	-	x	-
S8	x	x	-	x	x	-

* Keterangan: 'x' bermakna mewakili data, S - Sesi, GPI – Guru Pendidikan Islam, P1 - Pelajar 1, P2 - Pelajar 2, P/GPK - Pengetua atau Guru Penolong Kanan

Untuk tema yang seterusnya, didapati penggunaan BBM kertas mahjong adalah kekerapan yang digunakan. Ini berdasarkan temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan mendapati sebahagian besar GPI di S1 - S8 menggunakannya di dalam PdP mereka kecuali GPI 3 di S5. Berdasarkan data utama temu bual, hanya GPI 1 dan 2 pada S3, S4, S6 dan S7 yang menyatakan penggunaannya disokong pula dengan data temu bual. Manakala bagi GPI 3, data temu bual tidak dapat disokong oleh data pemerhatian. Penggunaan kertas mahjong berkait rapat dengan kaedah pembentangan pelajar yang menepati kehendak pembelajaran KBAT iaitu guru membimbing manakala pelajar menjana idea daripada bimbingan yang disampaikan oleh guru. Oleh itu, secara keseluruhannya GPI 1 - GPI 2 menggunakan kertas mahjong sebagai BBM kepada para pelajar. Sebagai contoh, dapatan temu bual bagi P1 dan P2 berkata:

“Cikgu masih menggunakan bahan yang lama, kertas mahjong tetapi mengubah kepada pendekatan baru iaitu kertas mahjong digunakan untuk kami melakukan pembentangan mengikut apa yang kami tahu.” (P1-P2: PP/BBM/KRTSMJG)

Jadual 6: Penghasilan Tema Bagi BBM (Kertas Mahjong)

Sek	GPI 1	GPI 2	GPI 3	P1	P2	P/GPK
S1	x	-	-	-	-	-
S2	x	x	-	-	-	-
S3	x	-	x	-	-	-
S4	x	x	x	-	-	-
S5	x	-	x	x	x	-
S6	-	-	-	-	-	-
S7	x	x	x	-	-	-
S8	x	x	-	x	-	-

* Keterangan: 'x' bermakna mewakili data, S - Sesi, GPI – Guru Pendidikan Islam, P1 - Pelajar 1, P2 - Pelajar 2, P/GPK - Pengetua atau Guru Penolong Kanan

Tema yang seterusnya adalah penggunaan buku rujukan yang digunakan oleh sebahagian besar GPI di S1 - S8 kecuali GPI 1 yang hanya menggunakan pada S5 dan S6. Sebagai contoh, GPI 2 menjelaskan bahawa buku rujukan ini merupakan penterjemahan kepada kepelbagaian maklumat untuk disampaikan kepada pelajar. Ini bertepatan dengan kehendak KBAT yang mengkehendaki percambahan maklumat dan ini dihuraikan menerusi petikan daripada GPI 2 dalam kata-kata beliau:

“Buku rujukan untuk PdP, penerbit yang menghasilkan memang lengkap semua. Rekod dia pun kalau kita tengok senarai buku rujukan pun dah banyak. Bukan buku teks sahaja, buku rujukan pun banyak. Bahan maklumat dalam tu pun banyak, jadi itu sebab saya selesa guna buku ni.” (GPI 2: PP/BBM/BKRJKN)

Jadual 7: Penghasilan Tema Bagi BBM (Buku Rujukan)

Sek	GPI 1	GPI 2	GPI 3	P1	P2	P/GPK
S1	-	x	-	-	-	-
S2	-	x	x	x	-	-
S3	-	x	-	-	-	-
S4	-	x	x	-	x	-
S5	x	-	x	-	-	-
S6	x	x	-	x	x	-
S7	-	-	x	-	-	-
S8	-	x	x	-	-	-

* Keterangan: 'x' bermakna mewakili data, S - Sesi, GPI – Guru Pendidikan Islam, P1 - Pelajar 1, P2 - Pelajar 2, P/GPK - Pengetua atau Guru Penolong Kanan

Tema terakhir yang diperolehi adalah GPI 1 dan GPI 2 pada S1 - S8 menggunakan gambar sama ada secara potongan gambar atau slaid gambar untuk dimasukkan di dalam *power point*. Namun begitu, mengikut data, GPI 3 tidak menggunakan BBM ini secara sepenuhnya dalam PdP mereka. Proses tayangan slaid ini memerlukan penelitian dan kefahaman bagaimana mengintegrasikan dengan elemen KBAT. Berdasarkan pemerhatian dan temu bual, penyelidik mendapati wujud elemen KBAT di dalam penggunaan slaid gambar walaupun tidak sepenuhnya tetapi usaha ke arah itu perlu diteruskan dan di tambah baik. Tentang penggunaan gambar ini, GPI 2 ada menjelaskan menerusi petikan:

“Selalunya lah akak akan kumpulkan tajuk-tajuk ini di dalam komputer, ada gambar dan tunjuk. Kalau tak silap pelajar tahun 6 dah tengok, mungkin diorang sudah beritahu dah kepada pelajar tahun 5 ni. Jadi satu-satu tajuk tu akak akan kaitkan dengan isu-isu semasa dan pengalaman di luar kelas agar apa yang berlaku kepada masyarakat kita supaya dia lebih faham. Itu sabajalah. Jadi gambar-gambar itu dah menjadi budaya kerja akak daripada dulu ada simpan keratan-keratan surat khabar daripada dulu sampai sekarang. Kita tidak akan buang surat khabar itu, melainkan kita dah tengok contoh folio tu.” (GPI 2: PP/BBM/GMBR)

Jadual 8: Penghasilan Tema Bagi BBM (Gambar)

Sek	GPI 1	GPI 2	GPI 3	P1	P2	P/GPK
S1	x	-	-	-	-	-
S2	x	x	-	-	-	-
S3	-	-	-	-	-	-
S4	x	x	x	x	-	-
S5	-	-	-	-	-	x
S6	x	x	x	x	x	-
S7	x	x	x	-	-	-
S8	-	-	-	-	-	-

* Keterangan: 'x' bermakna mewakili data, S - Sesi, GPI – Guru Pendidikan Islam, P1 - Pelajar 1, P2 - Pelajar 2, P/GPK - Pengetua atau Guru Penolong Kanan

Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini memperlihatkan enam pola utama amalan penggunaan BBM di dalam kalangan GPI iaitu kertas edaran dan modul, buku teks, komputer dan LCD, kertas mahjong, buku rujukan dan gambar. Terdapat juga dapatan yang tidak menunjukkan pola antaranya ialah carta, keratan akhbar, filem dan video serta buku latihan, OHP dan transparensi, papan hitam dan putih, bahan maujud, radio kaset dan fail audio dan kertas kad manila. Keenam-enam pola kategori penggunaan BBM PdP dapatan kajian ini pada dasarnya merupakan elemen jenis-jenis BBM yang digunakan oleh guru-guru menerusi pengintegrasian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Pola BBM tersebut dapat ditentukan dan dibahagikan berdasarkan beberapa pola bersandarkan tahap kekerapan penggunaannya (Zain, 2002).

Pola BBM yang menjadi keutamaan amalan penggunaannya di dalam kalangan GPI di S1 - S8 adalah kertas edaran dan modul dan buku teks. Manakala pola BBM yang selebihnya iaitu komputer dan LCD, kertas mahjong, buku rujukan dan gambar merupakan BBM sampingan. Penggunaan BBM ini mengikut yang tertinggi ialah kertas edaran dan modul, diikuti buku teks, komputer dan LCD, kertas mahjong, buku rujukan dan gambar. Berdasarkan temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan, kekerapan penggunaan bahan ini disepadukan dengan asas konsep KBAT seperti penggunaan kertas mahjong digunakan untuk menjana idea, mempersembahkan hasil, membentuk asas kolaboratif dan menterjemahkan pengetahuan. Dapatan juga menunjukkan sememangnya wujud nilai-nilai penerapan elemen KBAT di dalam penggunaan BBM walaupun tidak secara sepenuhnya.

Namun, kekerapan penggunaan BBM ini juga menggambarkan bahawa GPI masih terikat dengan paradigma mementingkan prestasi dan pencapaian akademik para pelajar. Maka menerusi temu bual, GPI ada menyatakan matlamat menggunakan kertas edaran dan modul adalah untuk pelajar memberikan tumpuan pengajaran kepada topik penting di dalam masa PdP yang padat agar tidak kehilangan fokus semasa peperiksaan. Data ini pada hakikatnya membuktikan bahawa penggunaan kertas edaran dan modul membolehkan guru meringkaskan topik pelajaran yang perlu diulangkaji. Hal ini membolehkan guru menyentuh kesemua topik dalam masa yang terbatas.

Bagi BBM buku teks pula berada pada senarai pola kedua tertinggi kekerapan penggunaannya oleh GPI 1 - 3. Reka bentuk kandungan buku teks adalah lengkap dengan grafik memenuhi ruang, mempunyai fakta lengkap, melibatkan elemen KBAT bagi sukatan terkini bagi memudahkan penggunaan dan perancangan (KPM, 2011). Ciri-ciri ini adalah faktor utama yang mendorong GPI menggunakannya secara menyeluruh di dalam PdP. Dapatan ini membuktikan bahawa buku teks berkeupayaan memperkukuhkan KBAT dengan distrukturkan isi kandungan yang memperlihatkan elemen banding beza, menghasilkan budaya menganalisis, memperkembangkan idea dan menjana pemikiran kritis, malah dapat disesuaikan dengan pendapat Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz (2009) bahawa rujukan utama kepada guru-guru adalah buku teks yang merupakan pelengkap kepada proses PdP di dalam kelas.

Begitu juga sistem pendidikan formal pada kebiasaannya menjadikan buku teks sebagai rujukan utama. Maka buku teks perlu disesuaikan dengan asas konsep KBAT agar mampu membentuk pelajar yang mempunyai pemikiran kreatif, kritis dan inovatif. Penggunaan e-book sebagai BBM di dalam PdP adalah lebih utama berbanding penggunaan buku teks pada masa kini. Maka seharusnya pengadaptasian e-book perlu diperluaskan di dalam bidang Pendidikan Islam yang memerlukan penggunaan buku teks secara maksimum dan padat dengan segala maklumat.

Bagi penggunaan BBM komputer dan LCD pula menunjukkan bahawa tidak semua GPI di S1 - S8 menggunakannya sebagai BBM. Ini berdasarkan temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan, kekurangan, kebolehan dan kemahiran dalam kalangan GPI di dalam mengendalikan bahan-bahan berteknologi menyebabkan perlaksanaannya tidak dapat dibuat sepenuhnya. Dapatan penyelidik mendapati GPI menggunakan komputer ini ketika aktiviti PdP tertentu dan tidak secara menyeluruh. Kebiasaan tempoh masa PdP GPI di dalam kelas yang begitu padat menyebabkan GPI tiada masa yang mencukupi untuk menyediakan bahan melalui BBM komputer dan LCD. Penyataan menurut Monique Volman (2005) yang menyatakan keperluan menerapkan elemen KBAT menjadi permasalahan kepada guru disebabkan kekangan pengetahuan, kemahiran, peruntukan masa dan tenaga dalam penghasilannya. Namun secara keseluruhannya menunjukkan terdapat GPI yang menggunakan BBM komputer dan LCD sebagai penghubung di dalam membentuk kefahaman kepada para pelajar tetapi penambahbaikan perlu dilaksanakan agar manfaat teknologi dapat diaplikasikan sepenuhnya.

Seterusnya, bagi pola penggunaan kertas mahjong, buku rujukan dan gambar adalah antara pola yang mencatatkan kekerapan yang kurang berbanding kekerapan penggunaan BBM yang telah dibincangkan sebelum ini. Namun BBM tersebut masih lagi termasuk dalam pola BBM yang menjadi amalan disebabkan sifatnya yang pelbagai dan mampu menarik minat pelajar dalam memberikan tumpuan terhadap PdP GPI. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh P. O. Erixon (2010) bahawa pelajar lebih fokus dalam pengajaran apabila guru menggunakan gambar semata-mata atau gambar pada kertas mahjong atau gambar pada buku rujukan berbanding pengajaran secara *chalk and talk*.


Bagi dapatan BBM pola sampingan pula, terdapat 4 jenis BBM yang dicatatkan hasil daripada temubual dan pemerhatian terhadap GPI, pelajar serta guru besar. Daripada 4 jenis BBM pola sampingan yang dicatatkan, hanya seorang daripada GPI yang tidak menggunakan secara sepenuhnya, manakala GPI 1 dan 2 menunjukkan kekerapan penggunaan terhadap keseluruhan BBM pola sampingan. Kekerapan tahap penggunaan 10 jenis BBM ini telah menentukan kategori yang perlu diletakkan sama ada melibatkan pola rutin, pola sampingan dan bukan pola. Seterusnya bagi bukan pola, BBM ini merupakan bahan sokongan yang jarang digunakan dari segi kekerapan disebabkan tumpuan yang utama pihak sekolah adalah kepada pencapaian dari aspek akademik. Menurut D. D. Serbessa (2006), J. E. Miller (2008) dan (Esah Sulaiman (2004), sekolah yang terlalu berorientasikan peperiksaan mementingkan PdP berdasarkan sukatan peperiksaan yang tertumpu kepada topik-topik yang membolehkan pelajar lulus dalam peperiksaan sahaja.

Secara ringkasnya, dapatan kajian tentang amalan penggunaan BBM GPI adalah terdiri daripada BBM pola, sampingan dan bukan pola. Bagi BBM yang pola rutin adalah kertas edaran dan modul, buku teks dan buku rujukan manakala selebihnya adalah empat jenis BBM sampingan dalam PdP GPI iaitu komputer dan LCD, kertas mahjong, kad imbasan dan gambar. Manakala BBM bukan pola adalah 10 jenis yang terdiri daripada carta, akhbar, filem dan video, buku latihan, OHP dan transparensi, papan hitam dan putih, bahan maujud, radio, kaset dan fail audio, folio dan kertas kad manila. Keperluan di dalam kepelbagaian jenis BBM yang digunakan ini menghasilkan pembelajaran yang berpusatkan pelajar kerana guru hanya terlibat sebagai perangsang pemikiran dan minda pelajar. Hal ini bertepatan dengan pendapat Dawud Tauhidi (2001) dan Sommieh Udin (2001) bahawa bantuan dan bimbingan guru adalah melibatkan pembangunan di dalam pelajar dan ini dianggap sebagai satu *'tarbiyyah'* dalam pendidikan Islam.

Implikasi Kajian

Keseluruhannya, penggunaan BBM ini adalah bersesuaian dan menepati kehendak konsep pelaksanaan PdP yang mengintegrasikan KBAT namun dalam sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan, keperluan pengadaptasian yang berfokus kepada elemen pembudayaan pemikiran kreatif dan kritis perlu diwujudkan. Maka berdasarkan pola dapatan kajian yang dinyatakan, penyelidik menghasilkan kategori BBM yang digunakan berdasarkan tahap kekerapan penggunaannya. Pembahagian jenis-jenis BBM ini digambarkan oleh penyelidik sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.

Rajah 1: Pengkategorian Kekerapan Penggunaan BBM GPI Sekolah Rendah



Kesimpulan

Melalui kajian ini, penyelidik telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan dan perbincangan yang dilaksanakan menerusi penganalisaan secara kajian kes berdasarkan tajuk amalan penggunaan BBM oleh GPI di sekolah rendah mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Hasil pola dapatan kajian dapat dibuktikan melalui tema-tema yang telah dibentuk dan ini boleh dijadikan penanda aras kepada GPI dalam usaha meningkatkan penggunaan BBM agar PdP lebih menarik, penyampaian yang berkesan dan memenuhi elemen KBAT untuk dilaksanakan selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan.

References

- Ahmad, S. F., & Tamuri, A. H. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53-64.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education (6th Ed.)*. Routledge.
- Daud, M. Y., Ahmad, M., & Lubis, M. A. (2006). Penguasaan Internet dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. In Tamuri, A. H., et al. *Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Erixon, P. O. (2010). School Subject Paradigms and Teaching Practice in Lower Secondary Swedish School Influenced By ICT and Media. *Computers & Education Journal*, 54(4), 1212-1221.
- Husin, K., & Abdul Aziz, S. H. (2009). *Pengajian Melayu 5 dan 6: Pemulihan dan Pengayaan, Pengurusan Sumber Budaya dan Masyarakat Malaysia*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Hussin, S., Marzuki, S., Abdul Razak, A. Z., Md Som, H., & Ranee, A. (2005). *Pentadbiran dalam Pembangunan Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Jasmi, K. A. (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. (Ph.D Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor).
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). *Bahagian Grafik Buku Teks*. http://www.moe.gov.my/bbt/buku_teks
- _____ (2011). *Definisi Guru Cemerlang*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Meriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Application in Education: Revised and Expanded From Case Study Research in Education*. Jossey-Bass Publisher.
- Miller, J. E. (2008). Gifted and Talented Students. In Neil, J., et al. *Encyclopedia of Educational Psychology*. Sage Publications.
- Ngang, T. K., & Abdullah, A. G. K. (2006). Kesiediaan dan Keberkesanan Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Biologi di Sebuah Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan (Journal of Educational Research)*, 26, 79-92.
- Serbessa, D. D. (2006). Tension between Traditional and Modern Teaching-Learning Approaches in Ethiopian Primary School. *Journal of International Cooperation in Education*, 9(1), 123-140.
- Shaari, A. S. (2008). *Guru Berkesan: Petua dan Panduan*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Sulaiman, E. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Tawhidi, D. (2001). *An Overview towards a Renewal Vision of Islamic Education*. Page 8, The Tarbiyah Project.
- Uddin, S. (2001). *Implementing the Tarbiyah Project in Your School: Resources and Reasons Why, Towards a Renewed Vision of Islamic Education*. Page 1.
- Volman, M. (2005). A Variety of Roles for a New Type of Teacher Educational Technology and the Teaching Profession. *Teaching and Teacher education*, 21(1), 15-31.
- Zain, I. (2002). *Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran*. Utusan Publications Sdn. Bhd.